

Al-Quran milik semua hamba Allah



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) hadir selaku tetamu kehormat ketika menyampaikan derma kepada anak yatim pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-jabatan di bawahnya untuk Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

BERAKAS, Sabtu, 25 Mei. - Al-Quran yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala merupakan mukjizat terbesar bagi semua umat Islam yang beriman dan percaya kepada Al-Quran. "Al-Quran bukan milik mana-mana bangsa, milik mana-mana keturunan tetapi ia adalah milik untuk semua hamba Allah yang mahu percaya kepada Al-Quran. Beruntunglah bagi siapa yang dalam dirinya, keluarannya ada terdapat ilmu-ilmu Al-Quran, boleh membaca dan menghafal Al-Quran kerana ianya satu keberuntungan yang sangat besar," demikian diterangkan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr.

Haji Hambali bin Haji Jaili semasa menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Al-Quran Suluh Penerang Ummah' pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-jabatan di bawahnya untuk Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini. Di samping itu, jelasnya, kemuliaan yang dikurniakan kepada orang yang membaca Al-Quran itu turut melimpah kepada kedua-dua ibu bapa mereka.

Dr. Haji Hambali turut mengongsikan dua amalan yang berhubung kait dengan Al-Quran yang sebolehnya tidak ditinggalkan semasa hidup iaitu membaca Ayatul Kursi setiap kali selepas sembahyang fardu dan mengamalkan bacaan Surah Al-Mulk pada setiap malam kerana ia dapat menghalang daripada seksa kubur.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Awang Haji Halidi bin Haji Mohd. Salleh; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; pegawai-pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Persembahan Hafazan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dari Surah Al-Baqarah (Ayat 183 hingga 186) oleh Awang Abdul Hazi Syarafuddin bin Abdul Habib dan bacaan inti sari ayat oleh Awangku Ahmad Syahrul Mubarak bin Pengiran Haji Kamaluddin, pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Selesai Ceramah Khas, majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada seramai 39 orang anak yatim KSSUP serta Jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sumber Utama dan Pelancongan. Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Dr. Haji Hambali.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti KSSUP serta Jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan setiap tahun di bulan Ramadan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mubarak selain mendapatkan ganjaran pahala keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



PENGARAH Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili semasa menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Al-Quran Suluh Penerang Ummah'.

Ramadan bertambah berkat dengan sedekah



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (dua, kiri) menyampaikan derma kepada anak yatim pada Majlis Khatam Al-Quran, Bertadarus, Bertahlil dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen (PMAM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen (PMAM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran, Bertadarus, Bertahlil dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid PMAM, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd. Said, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Bersama Majlis, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Beliau, antara lain menyatakan majlis adalah bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan, selain membuat amal sedekah, sekali gus membantu

meringankan beban anak-anak yatim semasa bulan Ramadan dan sebagai persiapan mereka meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, diikuti jemaah bertadarus bagi tilawah Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas.

Bacaan Takhtim dan Tahliil seterusnya dibacakan oleh Bilal Masjid berkenaan, Awang Hamdi bin Haji Ibrahim, diselenggarakan dengan Doa Khatam Al-Quran.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Derma kepada seramai 18 anak yatim dan Penyampaian Cenderamata kepada jemaah bertadarus Al-Quran oleh tetamu kehormat. Persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid PMAM dan MPK Mulaut memeriahkan lagi majlis tersebut.

Bagi memberkati majlis, Doa Allah Selamatkan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid.

Khatam Al-Quran BASKIM eratkan silaturahim

Berita dan Foto :
Ihsan Saifulbahri

KIUDANG, Ahad, 26 Mei. - Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baharu (BASKIM) Kampung Kiudang telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi menandakan selesainya bacaan 30 juzuk Al-Quran sekali gus mengakhiri aktiviti bertadarus rumah ke rumah anjuran BASKIM yang diadakan setiap tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Bahagian

Da'wah Daerah Tutong, Awang Alizan bin Haji Ramle.

Majlis juga dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat BASKIM serta ahli-ahli BASKIM dan para penduduk Kampung Kiudang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti

dengan bacaan Al-Quran beramai-ramai.

Doa Khatam dan Doa Tahliil pula dibacakan oleh Awang Muhammad Wafuddin bin Haji Saifulbahri dan diserikan dengan Dikir Marhaban oleh kumpulan BASKIM.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada ahli-ahli BASKIM yang ikut serta dalam aktiviti tadarus rumah ke rumah dengan sebanyak tujuh buah rumah pada tahun ini.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan saudara-sahadim baharu di Kampung Kiudang.

Pada 23 Mei lalu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang, Tutong juga telah melancarkan Program Al-Quran Nur Qalbi Kali Ke-2 yang telah diungayahkan oleh Biro keagamaan dan Pendidikan MPK.

Tahun ini, MPK Kiudang telah memilih 16 peserta Belia dan Beliawanis bagi program tersebut yang berlangsung di kediaman Setiausaha MPK Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Hadir sebagai tetamu kehormat Majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim.

Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kiudang; Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Muhammad Saiful bin Abdullah Anja serta ahli-ahli MPK, ahli Jawatankuasa Kebajikan XBES dan penduduk kampung sekitarnya.



KETUA Bahagian Da'wah Daerah Tutong, Awang Alizan bin Haji Ramle (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baharu (BASKIM) Kampung Kiudang, Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (kiri) selaku Penasihat BASKIM.